

Tarikh Dibaca: 29 Ogos 2025M | 05 Rabi'ul Awwal 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“PERPADUAN KUNCI KEMERDEKAAN
YANG BERKEKALAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“PERPADUAN KUNCI KEMERDEKAAN YANG BERKEKALAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُحِلُّوا شَعِيرَ اللَّهِ وَلَا
الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا الْهَدْيَ وَلَا الْقَلَائِدَ وَلَا ءَامِينَ الْبَيْتِ الْحَرَامِ
يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَلْتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ أَن صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَن تَعْتَدُوا
وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا
اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ ۖ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

¹ Al-Maidah: 2.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **“PERPADUAN KUNCI KEMERDEKAAN YANG BERKEKALAN”**

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Pada tanggal 31 Ogos 2025 ini, negara kita akan menyambut Hari Kebangsaan kali ke-68, di mana generasi terdahulu telah berjuang bermati-matian untuk membebaskan tanah air daripada belenggu penjajahan yang mencengkam selama hampir empat kurun lamanya. Sebagai generasi pasca merdeka, marilah kita sentiasa beringat bahawa nikmat kemerdekaan ini wajib dipelihara demi kelangsungan hidup kita dan demi masa depan anak cucu kita. Sesungguhnya, kemerdekaan dan kemakmuran sebuah negara hanya akan berkekalan apabila rakyatnya mengekalkan perpaduan dan keharmonian sesama mereka.

² Ali-‘Imran: 102.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Kemerdekaan kita ini berkekalan adalah disebabkan perpaduan teguh yang diusahakan oleh setiap rakyat Malaysia sendiri. Wajarliah diingatkan kembali tentang Piagam Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW kerana piagam ini menjadi asas utama perpaduan negara Madinah yang bukan sahaja menyatukan sesama umat Islam, bahkan mencakupi golongan bukan Islam, semuanya dengan kabilah dan budaya yang berbeza. Ertinya, penduduk Madinah bersepakat untuk tinggal bersama sebagai satu masyarakat dan saling membantu sesama mereka atas titik temu bahawa mereka adalah penduduk Madinah al-Munawwarah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Rasulullah SAW.

Menurut Almarhum Dr. Muhammad Said Ramadan al-Buti, piagam yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW ini tidak lain adalah wahyu daripada Allah SWT jua. Selain itu, ia turut menjadi petunjuk bahawa teras perpaduan sebuah masyarakat ialah sebuah piagam yang mengandungi nilai saksama dan menghormati hak setiap anggota masyarakat tersebut.

Nilai yang terkandung dalam Piagam Madinah menjadi pedoman bagi pembinaan sebuah negara termasuklah negara Malaysia sendiri yang boleh kita temui dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Sehubungan itu, setiap rakyat Malaysia hendaklah sentiasa menghayati nilai yang terkandung dalam kedua-duanya agar perpaduan rakyat sentiasa utuh justeru kemerdekaan yang dikecapi ini berkekalan.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Ketaatan terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara itu merupakan perkara yang dianjurkan oleh syarak sendiri sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 59 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) serta "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu."

Begitu juga terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

"Hendaklah seorang Muslim taat mendengar perintah yang disukai atau dibencinya melainkan sekiranya dia diperintahkan untuk melakukan maksiat. Jika dia diperintahkan untuk melakukan maksiat, maka dia tidak perlu untuk mentaatinya."

(Riwayat Muslim).

Ayat dan hadis tadi menunjukkan kewajipan untuk kita mengikuti arahan pemimpin selama mana ia tidak bercanggah dengan perintah Allah SWT dan Rasul-Nya.

Sidang Muslimin yang berbahagia,

Perlu kita fahami, bahawa dalam kerangka kesatuan atas Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, setiap rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang tetap bebas mengamalkan agama dan budaya masing-masing. Inilah antara asas utama keharmonian negara kita. Hal ini selari dengan nilai yang terkandung dalam Piagam Madinah yang digagaskan oleh Rasulullah SAW, apabila kaum Yahudi dan golongan Musyrikin diberikan kebebasan untuk terus berpegang dengan kepercayaan mereka, selama mana mereka patuh terhadap piagam berkenaan.

Selain batasan yang termaktub di sisi undang-undang, asas perpaduan turut dinyatakan secara langsung dan jelas dalam al-Quran menerusi surah al-Maidah, ayat 2 yang bermaksud:

“Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam membuat kebajikan dan bertaqwa. Dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah) dan bertaqwalah kepada Allah.”

Mengambil pengajaran daripada ayat ini, janganlah sekali-kali dibiarkan kebebasan itu disalahgunakan untuk bersekongkol dalam perbuatan maksiat dan kejahatan, sebaliknya ia perlulah dihalakan kepada usaha untuk bersatu dalam perkara-perkara kebaikan. Kebebasan yang dimiliki mestilah dipandu dengan iman dan akhlak, bukan untuk menzalimi atas dasar emosi, sentimen mahupun persepsi.

Sidang Muslimin yang dimuliakan,

Di ayat yang lain Allah SWT mengingatkan dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

"Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan, kemudian Kami jadikan kamu pelbagai bangsa dan pelbagai suku agar kamu saling berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)! Sesungguhnya yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya".

Ayat ini jelas mengingatkan kita bahawa kepelbagaian bangsa, kaum dan keturunan adalah ketetapan Allah SWT. Tujuannya bukan untuk mewujudkan jurang, permusuhan atau sikap membangga-banggakan asal-usul, tetapi adalah untuk saling berkenalan, saling menghormati, dan hidup dalam suasana harmoni. Hakikatnya, ukuran kemuliaan di sisi Allah SWT bukanlah kerana rupa paras, pangkat atau keturunan, sebaliknya kerana ketaqwaan yang terpancar melalui keikhlasan hati, kebaikan amal dan keindahan akhlak.

Dengan itu, nyatalah bahawa Islam mendidik umatnya supaya menjadikan taqwa sebagai asas perpaduan. Inilah neraca yang menghapuskan sikap perkauman sempit, prejudis dan fanatik kepuakan. Jika masyarakat berpegang teguh dengan asas ini, nescaya kemerdekaan yang dikecapi akan membawa kepada kesejahteraan, bukan perpecahan.

Sidang Muslimin yang dihormati sekalian,

Perpaduan dalam sebuah masyarakat majmuk akan terpelihara sekiranya setiap anggota masyarakat mampu berinteraksi dengan penuh hikmah dan tidak menyentuh sensitiviti masing-masing. Dalam perspektif agama Islam, sensitiviti yang dimaksudkan merangkumi perkara yang *sabit*

atau *qat'i* (tetap) dalam agama, iaitu perbahasan usul agama, ibadat, dan prinsip asas syarak yang tidak boleh diganggu gugat.

Kita sebagai umat Islam juga turut dilarang untuk menyentuh sensitiviti agama lain. Asas bagi larangan ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-An'am, ayat 108 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu mencerca benda-benda yang disembah oleh mereka selain Allah kerana kelak mereka akan mencerca Allah secara melampaui batas kerana ketiadaan pengetahuan (mengenal Allah).”

Menurut riwayat Imam Ibnu Jarir al-Tabari daripada Ibnu 'Abbas *Radiallahuanhuma*, ayat ini diturunkan sebagai teguran kepada sebahagian sahabat Nabi SAW yang mencela berhala kaum Musyrikin. Celaan itu akhirnya membawa kepada tindakan balas mereka yang mencela Allah SWT, tanpa memahami hakikat tauhid yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Bahkan, mereka melakukannya dengan tanggapan bahawa Allah SWT hanyalah sekadar berhala seperti yang mereka sembah.

Oleh itu, kesalahan yang dilakukan oleh sesuatu pihak tidak seharusnya dibalas dengan kesalahan yang lain. Sebaliknya, ia hendaklah ditangani dengan penuh kebijaksanaan dan hikmah, apatah lagi apabila melibatkan dakwah kepada golongan bukan Islam.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Nahl, ayat 125 yang bermaksud:

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik.”

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa tunjang sebenar kepada kemerdekaan dan kemakmuran negara adalah terletak pada asas perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan budaya.

2. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa titik persamaan sesama rakyat adalah asas yang mengukuhkan perpaduan, manakala perbezaan yang wujud pula merupakan ruang untuk saling menghormati antara satu sama lain.

3. Umat Islam hendaklah berperanan sebagai pendamai yang menyatukan masyarakat, bukan sebagai pemecah belah yang menimbulkan pertikaian.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۖ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ.

"Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendakinya, tentu Dia menjadikan semua manusia ini umat yang satu (namun Dia tidak berbuat demikian) dan disebabkan itulah mereka terus-menerus berselisih faham. "

(Surah Hud: 118).



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah seperti jenayah membunuh, perbuatan buli serta menzalimi orang lain. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Kami memohon perlindungan-Mu daripada kejahatan para musuh dan pengkhianat. Peliharalah kami daripada godaan syaitan dan tentera-tenteranya serta bimbinglah kami untuk sentiasa istiqamah melaksanakan segala perintah-Mu dan meninggalkan segala larangan-Mu.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

⁴ Al-Furqan: 74.



رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.